

TARIKH	11 / 06 / 2013	SEKSYEN	Mankarjoh
MUKA SURAT	19	RUANGAN	Mankarjoh.

Tabung Haji serah zakat perniagaan RM10.9 juta

SHAH ALAM 10 Mei - Lembaga Tabung Haji (LTH) hari ini menyerahkan cek zakat perniagaannya untuk negeri ini berjumlah RM10.9 juta kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Cek yang disampaikan oleh Pengarah Urusan yang juga Ketua Pegawai Esekutif LTH, Datuk Ismee Ismail itu diterima oleh Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah di Istana Bukit Kayangan di sini.

Menurut Ismee, zakat yang dibayar adalah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 dan merupakan jumlah yang tertinggi dibayar LTH berbanding negeri-negeri lain.

"Ini juga merupakan zakat yang tertinggi nilainya diterima oleh LZS setakat ini, untuk makluman, jumlah keseluruhan zakat perniagaan LTH pada tahun ini bagi seluruh negara adalah berjumlah RM41.2 juta," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Upacara penyerahan zakat LTH

itu turut dihadiri Pengerusi LZS, Tan Sri Syed Anwar Syed Putra Jamalullail, Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Datuk Mohamad Adzib Mohd. Isa dan Mufti Selangor, Datuk Tamyes Abdul Wahid.

Sementara itu, dalam majlis berasingan Sultan Selangor turut berkenan untuk menyampaikan watikah pelantikan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Selangor kepada Salahan Yatim berkuatkuasa 1 Mei 2013.

Tuanku Sultan Selangor juga berkenan menyampaikan watikah pelantikan kepada Abdul Jalil Abdul Rani sebagai Orang Besar Daerah Hulu Langat yang membawa gelaran Orang Kaya Maha Bijaya Hulu Langat berkuat kuasa 2 Mei 2013.

Pada majlis itu juga, Sultan Sharafuddin berkenan mengurniakan pelantikan Wali Raja Negeri Selangor kepada 10 pegawai agama bagi mengendalikan perkahwinan, perceraian dan rujuk bagi orang Islam di negeri ini.



SULTAN Sharafuddin Idris Shah menerima replika cek zakat Lembaga Tabung Haji yang disampaikan oleh Ismee Ismail (kiri) sambil diperhatikan oleh Syed Anwar Syed Putera Jamalullail (kanan) di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam, Selangor, semalam. - UTUSAN/SAHARUDDIN ABDULLAH